

# WACANA PATRIOTIK MINDEF

[airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3994-wacana-patriotik-mindef](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3994-wacana-patriotik-mindef)

MINDEF, 11 Okt 18 - Bahagian Unit Integriti MINDEF, Markas ATM bersama Institut Integriti Malaysia telah menganjurkan Wacana Patriotik MINDEF yang bertajuk "Pertahanan Negara Tanggungjawab Bersama" bertempat di Auditorium Wisma Pertahanan. Moderator jemputan adalah Dr Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin iaitu Timb Ketua Pegawai Eksekutif Institut Integriti Malaysia.

Ahli Panel yang di jemput adalah Menteri Pertahanan, YB Tuan Haji Mohamad bin Sabu, Mantan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali dan Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Dato' Seri Panglima Haji Zulkifli bin Haji Zainal Abidin.

Perbincangan ini adalah satu pertukaran idea secara lisan dan memperlihatkan tentang perkara yang akan diwacanakan kepada seluruh warga Kementerian Pertahanan.

Turut hadir Panglima Tentera Udara, YBhg Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM, Panglima Tentera Darat, YBhg Jen Dato' Seri Panglima Hj Ahmad Hasbullah bin Hj Mohd Nawawi, Pegawai-pegawai Kanan ATM, anggota Tentera dan anggota Awam MINDEF.



